## 董总呈民联执政四州州务大臣的教育建议书

# 董总向吉打州政府提出的三项建议

### a 建议对各源流学校提供土地以建设学校

本会建议吉打州政府在城乡和土地用途规划方面实施一个包括各源流非营利性质的学校的学校规划和建设制度，以便每一个住宅区的学校保留地都可以用来建该地区居民所需 要的学校，包括国民型华文小学以及非营利性质的华文独立中学。

为此，本会建议吉打州政府检讨并修订州规划蓝图、地方发展蓝图以及学校规划指南。

### b 建议减收学校地税

本会建议吉打州政府将州内包括华文独立中学的各源流非营利性质学校的地税定为每一地契每年一令吉（RM1），同时所欠缴之地税也减至只需缴付每年一令吉（RM1）。

### c 建议吉打州政府每年为州内华文独立中学提供固定的拨款以协助它们的发展

本会建议吉打州政府在每年的预算案中，为州内华文独立中学提供固定的拨款以协助它们购买器材和发展学校。

如果吉打州政府能拨出一块足够的土地来发展和将其收入用来支付州内华文独立中学的开支，那将长久地解决这些学校的财务问题。

2008 / 5 / 14

# Tiga Cadangan Persatuan Kami Kepada Pihak Kerajaan Negeri Kedah

### 1.1 Cadangan Mengenai Pengagihan Tanah Rizab Sekolah Kepada Semua Aliran Sekolah Untuk Tujuan Pembinaan Sekolah

Persatuan kami mencadang supaya pihak Kerajaan Negeri Kedah, dalam aspek perancangan bandar dan desa dan perancangan guna tanah, melaksanakan satu sistem perancangan dan pembinaan sekolah yang meliputi semua aliran sekolah bukan keuntungan *(non-profit)* supaya tanah rizab sekolah di setiap taman perumahan boleh digunakan untuk membina sekolah mana-mana aliran sekolah yang diperlukan oleh penduduk setempat, termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Menengah Persendirian Cina yang bersifat bukan keuntungan.

Untuk tujuan di atas, persatuan kami mencadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri Kedah mengkaji semula dan meminda rancangan struktur/ pelan struktur (structure plan), rancangan tempatan/ pelan tempatan (local plan) dan garis panduan perancangan sekolah.

### 1.2 Cadangan Pengurangan Cukai Tanah Sekolah di Negeri Kedah

Persatuan kami berharap kadar cukai tanah yang dikenakan ke atas semua aliran sekolah bukan keuntungan *(non-profit)* di Negeri Kedah, termasuk Sekolah Menengah Persendirian Cina, dapat ditetapkan pada satu kadar nominal RM 1 (Ringgit Satu sahaja) setahun bagi setiap hakmilik, manakala bayaran jumlah tunggakan cukai tanah berkenaan yang sedia ada dikurangkan kepada kadar nominal RM 1 (Ringgit Satu sahaja) setiap tahun.

### 1.3 Cadangan Mempercepatkan Pemberian Peruntukan Kewangan Tahunan Kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina di Negeri Kedah

Persatuan kami mencadang supaya dalam belanjawan tahunan, pihak Kerajaan Negeri Kedah mengadakan sejumlah peruntukan kewangan kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina di negeri Kedah untuk pembangunan sekolah-sekolah tersebut dan membeli kelengkapan yang diperlukan.

Jika Kerajaan Negeri Kedah boleh memperuntukkan sebidang tanah yang mencukupi untuk dimajukan supaya hasilnya digunakan semata-mata untuk membiayai perbelanjaan Sekolah Menengah Persendirian di negeri Kedah, ini akan dapat menyelesaikan masalah kewangan sekolah-sekolah ini secara jangka panjang.